

## **Perbandingan Aspek Pentaksiran Lisan Berdasarkan Deskriptor KBSM dengan Standard Pembelajaran dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)**

Halimah Jamil, Rozita Radhiah Said\*, Azhar Md. Sabil & Nor Azlina Mohd Kiram

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor

### **ABSTRAK**

Di Malaysia perubahan kurikulum berlaku selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Bagi memenuhi tuntutan tersebut keperluan serta perubahan kehidupan perlu bersifat dinamik. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang menggantikan KBSM yang melibatkan murid tingkatan satu telah dilaksanakan pada tahun 2017. KSSM merangkumi bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang meluas bagi melahirkan pembangunan modal insan yang berjaya. Kurikulum baharu ini adalah berasaskan standard yang terdiri daripada Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Bagi mata pelajaran bahasa Melayu, murid perlu mempelajari dan menguasai ketiga-tiga standard tersebut dalam kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Namun kertas konsep ini hanya akan menjelaskan mengenai perbandingan pelaksanaan pentaksiran lisan bahasa Melayu yang perlu dijalankan oleh guru dengan merujuk Standard Pembelajaran dalam DSKP bahasa Melayu KSSM berbanding dengan pelaksanaan pentaksiran lisan yang berpandukan deskriptor dalam Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM) bahasa Melayu KBSM. Berdasarkan kajian literatur, guru berhadapan dengan kekeliruan terhadap deskriptor kemahiran lisan yang terkandung dalam PPPM semasa melaksanakan pentaksiran. Manakala DSKP menunjukkan rujukan yang lebih jelas dan menyeluruh sebagai penambahbaikan kepada PPPM melalui ketiga-tiga standard yang perlu dikuasai dan dipelajari oleh murid. Pemerhatian terhadap pelaksanaan Standard Pembelajaran pentaksiran lisan ini penting agar tidak menimbulkan sebarang kekeliruan dalam kalangan guru bahasa Melayu tingkatan satu untuk melaksanakan pentaksiran di dalam kelas.

**Kata Kunci:** KSSM Bahasa Melayu, DSKP Bahasa Melayu, descriptor KBSM, standard pembelajaran, pentaksiran lisan

### **ABSTRACT**

The curriculum changes experienced in Malaysia are in line with the implementation of the National Education Blueprint 2013-2025. In order to meet the demands, the needs and life changes have to be dynamic. KSSM which replaces KBSM and involving Form 1 students has been implemented in 2017. KSSM encompasses a wide area of knowledge, skills and value to produce successful development of human capital. The new curriculum which is standard-based, consists of Content Standard, Learning Standard, and Performance Standard, in the Standard-Based Curriculum and Assessment Document. For the Malay language subject, students are required to learn and master all of these standards in reading, writing, listening and speaking skills. Nevertheless, this concept paper only intends to elucidate the implementation of speaking assessments in the Malay language subject done by teachers based on the learning standard in DSKP KSSM for the Malay language, in comparison to the implementation of oral assessments done based on the descriptors in the PPPM KBSM for the Malay language. The literature has shown that teachers are baffled by the oral skills descriptors contained in the PPPM during its implementation. On the contrary, DSKP is a much clearer and a more comprehensive reference as an improvement to PPPM through the three standards that need to be learned and mastered by the students. Observatin on the implementation of the Performance Standard for oral assessments are essential to avoid confusion among Form 1 Malay language teachers when implementing assessments in the classroom.

**Keywords:** KSSM for the Malay Language, DSKP for the Malay Language, KBSM descriptors, learning standard, speaking assessment

\* Corresponding author: [radhiahrozita@upm.edu.my](mailto:radhiahrozita@upm.edu.my)  
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

## PENGENALAN

Pada tahun 2017, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membuat semakan semula dan mewujudkan beberapa aspek pembaharuan kurikulum di peringkat sekolah menengah bagi murid tingkatan satu di Malaysia. Pembaharuan kurikulum yang dilaksanakan ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dengan memberi fokus kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 misalnya pemikiran secara kritis dan inovatif dalam kurikulum KSSM. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bertujuan untuk melahirkan murid yang dinamik dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. KSSM ini dijalankan secara berperingkat mulai 2017 yang berasaskan enam tunjang utama iaitu komunikasi, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, keterampilan diri, sains dan teknologi serta kerohanian, sikap dan nilai. Pembaharuan kurikulum ini termasuklah bagi mata pelajaran bahasa Melayu. Pembentukan sebuah kurikulum itu perlu memenuhi dua perkara asas yang perlu difahami untuk melaksanakannya iaitu pertama, perlulah memahami perubahan ke atas organisasi, kedua, harus memahami hubung kait antara kurikulum dengan konteks sosial-institusi iaitu bagaimana kurikulum tersebut dilaksanakan. Oleh itu, pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum misalnya seorang guru itu perlu memahami ciri-ciri kurikulum baru serta perubahan yang berlaku (Sarason, 1990). Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pihak berkepentingan perlu memberi perhatian sewajarnya terhadap masalah yang dihadapi oleh pihak pelaksana iaitu guru di sekolah terhadap pembaharuan kurikulum ini. Memandangkan sistem pendidikan kita yang berpusatkan peperiksaan telah sekian lama diamalkan, perubahan kepada sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang baru dilaksanakan selama enam tahun memerlukan masa yang lama untuk pentadbir, guru, murid, dan ibu bapa untuk menerima pembaharuan ini secara sepenuhnya. Proses perubahan kurikulum tidak boleh berlaku secara mendadak sebaliknya amalan sistem kurikulum lama masih perlu diambil kira. Beberapa praktis haruslah dipertimbangkan terlebih dahulu semasa kurikulum baru dijalankan yang akhirnya akan diterima sedikit demi sedikit ke atas perubahan tersebut (Fullan, 2007). Berdasarkan model *Controlled Rapid Approach to Curriculum Change* (CRACC) mendapat guru berasa penat setiap kali berlakunya pembaharuan kurikulum (Mansell, 2012) dan terpaksa akur untuk menerima pembaharuan sama ada mereka mahu atau tidak (Smeed et.al, 2015).

Transformasi sistem pendidikan negara yang berpusatkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bertujuan untuk membuat penilaian terhadap potensi murid, kesediaan untuk belajar, dan menguji penguasaan serta pencapaian murid. Pentaksiran dapat membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, membantu murid membuat persediaan untuk pentaksiran luar, menyumbang untuk membantu memantau kualiti kerja pihak pengurusan sekolah dan guru, dan pentaksiran mestilah dapat menunjukkan kepada ibu bapa dan pihak lain bahawa pendidikan yang berkualiti tinggi sedang berlangsung (Brown, 2011). Melalui PBS, guru dapat membaiki strategi dan kaedah pengajaran setelah memperoleh maklum balas pentaksiran yang dijalankan ke atas murid. Maklum balas adalah aspek penting dan telah diiktiraf secara meluas dalam pelaksanaan pentaksiran formatif (Bennett, 2011). Secara tidak langsung, langkah yang diambil oleh guru dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dapat meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Malah ibu bapa boleh melihat perkembangan pembelajaran anak-anak dari semasa ke semasa berdasarkan pencapaian setiap tahap penguasaan pentaksiran lisan yang dilaksanakan di dalam kelas.

Mata pelajaran bahasa Melayu adalah salah satu mata pelajaran teras yang diadakan selama empat jam seminggu dalam kurikulum KSSM. Guru hanya merujuk satu dokumen yang baru sebagai panduan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (pdp) iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Melalui DSKP ini, murid perlu menguasai dan mempelajari tiga standard iaitu Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, dan Standard Prestasi. Ketiga-tiga standard ini merangkumi kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

### *Penyataan Masalah*

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan bahawa pelaksanaan pentaksiran lisan bahasa Melayu wajib dijalankan kepada semua murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Setelah penambahbaikan sistem pendidikan Malaysia, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilaksanakan bermula pada tahun 2012 bagi sekolah menengah. Semasa pentaksiran lisan, guru akan merujuk dokumen iaitu Pelan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM). Pentaksiran lisan bahasa Melayu diuji berdasarkan deskriptor dan band satu hingga band enam yang perlu dicapai oleh murid. Deskriptor ialah pernyataan yang menunjukkan sejauh mana murid perlu memperbaiki pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi setiap aras penguasaan (KPM, 2014). Namun demikian, terdapat rungutan dalam kalangan guru bahasa Melayu kerana timbul kekeliruan semasa melaksanakannya. Guru berdepan dengan masalah untuk menguji murid berdasarkan deskriptor yang kurang jelas. Malah guru berdepan dengan pemberian skor yang tidak adil kepada murid iaitu menilai murid atas faktor ihsan berbanding keupayaan sebenar murid untuk

memenuhi tugas yang diberi (Gopala, et.al, 2014). Guru dikatakan masih belum mencapai sepenuhnya tahap kefahaman dan keberkesanan pelaksanaan PBS di sekolah (LPM, 2014).

Kajian yang dilaksanakan ke atas pentaksiran lisan bahasa Inggeris tingkatan satu mendapati guru berhadapan dengan masalah kekurangan panduan, tahap pengetahuan yang rendah mengenai PBS, dan kurangnya pemantauan daripada pihak berkepentingan (Suseela & Sim, 2010). Bagi Bøhn (2015), yang mengkaji tentang skala penilaian pentaksiran untuk bahasa Inggeris sebagai bahasa asing, mendapati kriteria pentaksiran yang ditetapkan oleh pihak berkepentingan adalah sukar untuk ditaksir kepada murid, melaksanakan pertimbangan sesuatu kriteria pentaksiran secara berbeza, malah terdapat guru yang menggunakan kriteria yang tidak berkaitan semasa penilaian pentaksiran berlangsung. Semasa pengoperasian pentaksiran sesuatu bahasa, konstruk-konstruk yang berkait antara satu sama lain diperlukan untuk melihat keupayaan berbahasa murid. Bagi membantu pereka penilaian untuk mengendalikan konstruk-konstruk tersebut, sumber yang diiktiraf misalnya *Common European Framework of Reference* diperlukan bagi tujuan rujukan (Bachman dan Palmer, 2010). Di Malaysia misalnya, pentaksiran lisan berasaskan sekolah (PLBS) bahasa Melayu iaitu format lama dahulu untuk tingkatan satu hingga tiga, borang penilaian pentaksiran merangkumi konstruk seperti tatabahasa dan kosa kata, sebutan, intonasi, dan nada, fasih dan bermakna, serta konstruk bertatasusila untuk penilaian ke atas murid semasa pentaksiran lisan dijalankan. Kajian yang dijalankan oleh Suzana Abd Mutualib dan Jamil Ahmad (2012) mendapati guru menyatakan mereka berasa tertekan terhadap pembaharuan sistem pendidikan yang baharu iaitu amalan pentaksiran dan ini menyebabkan mereka kurang yakin untuk melaksanakan pentaksiran di dalam kelas. Tambahan pula, teknik penyoalan yang digunakan oleh guru masih berada pada tahap rendah (Zamri dan Nor Razah, 2011). Oleh yang demikian, deskriptor yang terkandung dalam PPPM adalah kurang jelas dan tidak menyeluruh. Ini memberi kesan yang mengelirukan kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran lisan di dalam kelas.

Jelas menunjukkan pelaksanaan pentaksiran lisan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris memerlukan guru terlebih dahulu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran supaya objektif sesuatu pentaksiran itu dapat dicapai. Guru juga mestilah mempunyai kebijaksanaan dan kemahiran untuk memilih dan mengaplikasikan kaedah, pendekatan, dan menggunakan bahan yang bersesuaian semasa menjalankan pentaksiran kepada murid (Surya, Nor Hasniza, Johari, dan Abdul Halim, 2014). Guru tidak seharusnya sewenang-wenangnya menilai pembelajaran murid mengikut acuan sendiri sebaliknya mestilah mengikut standard yang telah ditetapkan. Sekiranya pentaksiran lisan tidak dijalankan dengan baik, hasrat yang terkandung dalam DSKP untuk melahirkan murid yang berketerampilan dan kecekapan berbahasa tidak akan tercapai.

Sehubungan dengan itu, kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diperkenalkan bagi menggantikan KBSM yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 untuk murid tingkatan satu. Oleh yang demikian, guru tidak lagi menggunakan Pelan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM) sebagai rujukan untuk pentaksiran. Sebaliknya, guru merujuk dokumen baharu iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Pengkaji mendapati, DSKP mengandungi tiga standard yang perlu dipelajari dan dikuasai oleh murid iaitu standard kandungan, standard pembelajaran, dan standard prestasi. Ini menunjukkan sesuatu yang lebih baik bagi tujuan untuk memantapkan lagi pelaksanaan pentaksiran khususnya kemahiran lisan. DSKP dibina untuk melengkapkan kekosongan dan kekurangan yang terkandung dalam PPPM iaitu kandungan DSKP merangkumi standard kandungan, standard pembelajaran, dan standard prestasi adalah lebih jelas dan menyeluruh agar pelaksanaan pentaksiran berjalan dengan lancar pada masa akan datang. Justeru, kertas konsep ini akan melihat perbandingan pentaksiran lisan berdasarkan deskriptor KBSM dengan standard pembelajaran dalam KSSM.

Deskriptor pentaksiran lisan bahasa Melayu yang terkandung dalam PPPM menggambarkan pernyataan deskriptor yang terlalu umum menyebabkan guru sukar untuk memahami dan menilai murid melalui pentaksiran. Dalam hal ini, langkah pembaharuan dokumen yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) iaitu DSKP membantu guru menggerakkan pelaksanaan pentaksiran dengan lebih teratur dan jelas. DSKP dibekalkan kepada guru merupakan satu dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran (KPM, 2016). Tujuan DSKP adalah untuk membantu dan memudahkan guru melaksanakan pentaksiran dalam proses PdP. Ini bermakna guru hanya merujuk satu dokumen sahaja semasa menjalankan PdP dan pentaksiran. Seperti mana yang digariskan dalam KSSM, ketiga-tiga standard yang memerlukan murid mempelajari dan menguasainya adalah berdasarkan 1) ekuiti dan kualiti iaitu pendidikan yang sama dan berkualiti diberikan kepada semua murid, 2) akauntabiliti oleh pentadbir dan guru dengan memastikan setiap murid melepas piawaian standard yang ditetapkan dan, 3) skema dan piawai pengukuran yang tepat dan adil diberikan oleh guru melalui pengetahuan dan kemahiran yang diukur dengan jelas.

Dalam pada itu, pihak guru melakukan pelaporan tahap pencapaian murid tidak secara dalam talian sebaliknya menggunakan aplikasi Ms Excel (luar talian). Setelah membuat pelaporan, rekod yan diterima oleh murid akan

disimpan di sekolah untuk tindakan susulan seterusnya pelaporan akan diserahkan kepada pihak berkepentingan. Pentaksiran ini hanya akan berlangsung setelah guru lengkap mengajar satu unit atau kelompok standard kandungan dan pembelajaran.

Kesimpulannya, DSKP yang dipegang oleh setiap guru semasa proses PdP dan pentaksiran adalah lebih terperinci dan memudahkan guru membuat rujukan. Kekeliruan guru untuk menjalankan pentaksiran sudah pasti dapat dikurangkan apabila lahirnya dokumen baharu ni dalam amalan pentaksiran seharian.

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti aspek pentaksiran lisan berdasarkan deskriptor dalam KBSM.
2. Mengenal pasti aspek pentaksiran lisan berdasarkan standard pembelajaran dalam KSSM.

### *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula diperkenalkan di semua sekolah menengah bermula pada tahun 1989. KBSM direalisasikan bertujuan untuk memperkembangkan potensi setiap individu yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (JERIS) yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang, harmonis, dan berakhhlak mulia. Malah matlamat KBSM selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Tambahan lagi, objektif pelaksanaan KBSM di sekolah adalah untuk memperoleh pendidikan seumur hidup iaitu rancangan KBSM menyediakan ilmu pengetahuan kepada orang ramai, murid diberi peluang untuk menguasai kemahiran berinteraksi dalam kehidupan sehari-hari di samping dapat memperkembangkan pemikiran dan penaakulan, memberi peluang kepada murid untuk menguasai kemahiran menyelesaikan masalah dalam segala aspek kehidupan, melahirkan insan yang mempunyai semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum, serta memenuhi keperluan murid agar mereka mampu berhadapan dengan cabaran hidup dan dapat bersaing dengan individu dari negara luar. Terdapat lima aspek elemen merentas kurikulum (EMK) dalam KBSM iaitu bahasa, sains dan teknologi, pendidikan alam sekitar, patriotisme, dan nilai murni.

Ciri-ciri KBSM antaranya ialah mementingkan pembelajaran sepanjang hayat serta memberi penekanan terhadap nilai-nilai murni dalam kalangan murid. KBSM juga memastikan supaya setiap murid menguasai bahasa Melayu.


### *Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM) Bahasa Melayu Tingkatan Satu*

Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM) merupakan dokumen yang digunakan oleh guru sebagai panduan untuk memberi pemeringkatan atas penguasaan berdasarkan hasrat kurikulum semasa melaksanakan pentaksiran ke atas murid bagi kemahiran membaca, menulis, lisan. PPPM juga sebagai alat sokongan semasa pengajaran dan pembelajaran secara berterusan. PPPM mempunyai enam aras penguasaan daripada band satu yang terendah dan band enam yang tertinggi selaras dengan hasil pembelajaran yang dihasilkan oleh kurikulum (KPM, 2014). PPPM merupakan penambahbaikan kepada Dokumen Standard Prestasi (DSP) yang digunakan semenjak PBS dilaksanakan pada tahun 2012. DSP mengandungi terlalu banyak evidens bagi setiap mata pelajaran dan menyebabkan kesukaran kepada guru untuk melengkapkan pentaksiran. Oleh yang demikian, PPPM telah mula diguna pakai pada tahun 2014 dan mengandungi enam deskriptor bagi setiap kemahiran bahasa bagi mata pelajaran bahasa Melayu.



Rajah 1: Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid  
(Sumber: Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid, KPM, 2014)

Seterusnya, deskriptor (petunjuk) prestasi adalah pernyataan menunjukkan sejauh mana murid perlu mempamerkan pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi setiap standard aras penguasaan. Deskriptor mengandungi tingkah laku yang perlu dipamerkan dalam pentaksiran, cakupan kriteria atau aspek yang ditaksir dan dimensi kualiti tingkah laku (*qualifier*) yang perlu dipamerkan oleh murid.



Rajah 2: Pemeringkatan Deskriptor  
(Sumber: Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid, KPM, 2014)

PPPM berguna untuk memantau, menilai dan melapor perkembangan pembelajaran setiap murid. Selain itu, dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan murid dalam pembelajaran untuk tindakan susulan yang berkesan. Guru dapat memperoleh gambaran tentang perkembangan pembelajaran murid dan guru berpeluang untuk merancang pengajaran yang lebih berkesan pada sesi akan datang. PPPM juga memberikan maklumat yang segera tentang perkembangan pembelajaran murid kepada guru, pentadbir sekolah, ibu bapa, dan pihak berkepentingan sebagai asas perbincangan untuk tindakan meningkatkan prestasi murid. Malah dapat memberi maklum balas tentang keberkesanannya suatu intervensi pengajaran yang dilaksanakan oleh guru.

JADUAL 1:  
Kemahiran Lisan Bahasa Melayu Tingkatan 1

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
LISAN	6	Membuat pertimbangan tentang pendapat yang dikemukakan dalam perbincangan dengan menyampaikan hujah secara kritis dengan sebutan, intonasi dan gaya yang sesuai dengan beradab untuk mempengaruhi pihak lain.
	5	Menyatakan pendirian dengan mengemukakan pendapat yang rasional tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.
	4	Berbincang dan mengemukakan hujah yang relevan untuk menerima atau menolak pendapat secara sopan dalam pelbagai situasi.
	3	Bersoal jawab tentang sesuatu perkara dengan betul dan bahasa yang sesuai.
	2	Mendengar, memahami, dan menceritakan sesuatu perkara yang didengar dengan betul.
	1	Berinteraksi tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian dengan menggunakan perkataan yang mudah.

(Sumber: Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid Bahasa Melayu, KPM, 2014)

#### Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) adalah kurikulum baharu yang dibangunkan oleh BPK dan mula dilaksanakan pada tahun 2017 untuk murid tingkatan satu. KSSM menggantikan KBSM yang digunakan dalam sistem pendidikan negara kita bermula pada tahun 1989 hingga 2016. Elemen merentas kurikulum (EMK) dalam KSSM merangkumi bahasa, sains dan teknologi, pendidikan alam sekitar, patriotisme, nilai murni, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, teknologi maklumat dan komunikasi, pendidikan keselamatan jalan raya, pendidikan kewangan, dan kelestarian global. Terdapat tiga aspek kurikulum dalam pembaharuan KSSM. Pertama, penambahbaikan kandungan kurikulum mengikut trend global dan tanda aras antarabangsa. Kedua, aspek pedagogi iaitu menjurus kepada pendekatan pembelajaran secara mendalam, kontekstual dan berkesan. Ketiga, perkembangan pembelajaran murid yang ditaksir oleh guru secara berterusan (KPM, 2016).

Pelaksanaan PBS diteruskan di sekolah dan guru bertanggungjawab menjalankan pentaksiran sekolah (PS) dengan mengikuti prosedur yang ditetapkan oleh LPM. Pentaksiran sekolah melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi untuk mencapai PdP yang lebih berkesan dan menarik. Selain itu, pentaksiran dilaksanakan menerusi penggunaan pelbagai instrumen dan guru memberi pertimbangan profesional kepada murid bagi menetapkan tahap penguasaan mereka semasa pentaksiran berlangsung. Guru perlu merekod kemajuan murid dan menyediakan pelaporan tahap penguasaan murid setelah selesai melaksanakan pentaksiran. Rekod ini bertujuan untuk memberi maklumat sejauh mana tahap penguasaan murid kepada murid itu sendiri, ibu bapa, pentadbir sekolah, dan pihak berkepentingan.

#### *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan Satu*

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) adalah dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran. Kurikulum baharu ini berdasarkan standard yang terdiri daripada Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, dan Standard Prestasi yang didokumentkan di dalam DSKP. Murid perlu menguasai dan mempelajari ketiga-tiga standard ini yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai. Selain itu, DSKP bahasa Melayu menggunakan pendekatan berbentuk modular dan mengaplikasikan pembelajaran didik hibur di samping pentaksiran secara holistik untuk mencungkil potensi murid. Secara tidak langsung, murid dapat meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan, memperkembangkan dan menilai keupayaan penguasaan kemahiran berbahasa dengan berketerampilan dan kecekapan berbahasa.

Tujuan DSKP ini diwujudkan adalah untuk membantu memudahkan guru melaksanakan pentaksiran dalam proses PdP. Semasa proses PdP dan pentaksiran, guru hanya perlu merujuk kepada DSKP sahaja. Melalui kurikulum baharu ini, guru akan mentaksir perkembangan dan pencapaian murid melalui Standard Pembelajaran. Standard pembelajaran adalah suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.



Rajah 3: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran  
(Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016)

#### *Standard Kandungan*

Standard kandungan ialah pernyataan spesifik tentang perkara yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid semasa persekolahan pada tempoh masa yang ditetapkan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

#### **JADUAL 2:** **Kemahiran Mendengar dan Bertutur Tingkatan Satu**

<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>
1.1 Mendengar, mengenal dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta intonasi ayat dalam pelbagai ujaran.	Murid boleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>1.1.1 Mendengar dan mengenal sebutan perkataan dan rangkai kata dalam pebagai ujaran dengan betul dan tepat</li> </ul>
1.2 Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut	<ul style="list-style-type: none"> <li>1.2.1 Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut</li> </ul>

istilah, ungkapan dan ayat dalam pelbagai ujaran.	1.2.2	konteks. Mendengar dan memahami ayat tunggal dan ayat majmuk yang mudah dalam ujaran dengan menyatakan maksud yang betul, tepat dan jelas mengikut konteks.
1.3 Mendengar dan memahami maklumat, fakta, idea dan hujah dalam pelbagai wacana dan memberikan respons.	1.3.1 1.3.2	Mendengar dan memahami maklumat, fakta dan idea dalam pelbagai wacana dengan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat dan bermakna. Mendengar dan memahami maklumat fakta dan idea dalam pengumuman dengan memberikan respons yang betul, tepat dan bermakna.
1.4 Berbicara tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal.	1.4.1 1.4.2 1.4.3	Berbual tentang kegiatan harian serta hal-hal persendirian menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun. Bericara untuk memulakan dan mengakhiri perbualan, bertanya khabar, serta menyatakan terima kasih dan penghargaan secara bertatususila Menceritakan pengalaman diri dan orang lain dalam pelbagai situasi dengan sebutan dan intonasi yang betul secara santun.
1.5 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan dan mengemukakan jawapan.	1.5.1 1.5.2 1.5.3	Mengemukakan soalan tertumpu untuk mengetahui pesanan, arahan, panduan dan tunjuk cara dengan betul, tepat, dan secara bertatususila. Memberikan jawapan yang sesuai tentang sesuatu perkara dengan betul, tepat, dan secara bertatususila. Bersoal jawab dalam perbualan menggunakan soalan tertumpu dan mengemukakan jawapan yang sesuai dan betul secara bertatususila.
1.6 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.	1.6.1 1.6.2	Menyampaikan isi dan fakta tentang sesuatu perkara dengan betul dan jelas menggunakan ayat yang gramatis. Menyampaikan maklumat dalam bentuk ucapan dan pengumuman dengan betul, tepat, jelas, intonasi yang sesuai dan berkesan menggunakan ayat yang gramatis.
1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara	1.7.1 1.7.2	Berbincang tentang sesuatu perkara yang didengar atau dilihat untuk bertukar-tukar pandangan secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun. Berunding untuk mendapatkan persetujuan bagi sesuatu tawaran tentang sesuatu perkara secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.
1.8 Mengulas sesuatu perkara, isu atau topik.	1.8.1 1.8.2	Menerangkan sesuatu perkara dengan bernes dan kritis secara jelas menggunakan ayat yang betul, tepat, dan gramatis. Mengulas peristiwa mengikut urutan secara jelas dan bernes menggunakan ayat yang gramatis.

#### Standard Prestasi

Standard prestasi ialah penyataan mengenai tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur dengan merujuk standard dan menunjukkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua, iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (tahap penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Standard prestasi dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik pentaksiran sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard (KPM, 2016).

#### JADUAL 3:

#### Standard Prestasi Kemahiran Mendengar dan Betutur

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
6	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran dengan menggunakan sebutan yang tepat pada tahap terperinci, tekal dan menjadi teladan.

5	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan pada tahap terperinci mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran menggunakan sebutan yang tepat pada tahap kukuh dan tekal.
4	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan dengan menggunakan sebutan yang tepat mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran pada tahap kukuh.
3	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan dengan menggunakan sebutan yang betul mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran pada tahap memuaskan.
2	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan dengan menggunakan sebutan yang betul mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran pada tahap terhad.
1	Memberikan respons terhadap maklumat, fakta dan idea dalam pengumuman dan ucapan yang diperdengarkan dengan menggunakan sebutan mengikut konteks serta memahami perkataan dan rangkai kata dalam pelbagai ujaran pada tahap sangat terhad.

*Perbandingan antara Deskriptor KBSM dan Standard Prestasi dalam KSSM Pentaksiran Lisan Bahasa Melayu Tingkatan Satu*

Kandungan PPPM hanya mengandungi deskriptor untuk melihat tahap penguasaan murid dan menentukan band sama ada murid dapat menguasai atau tidak menguasai deskriptor yang disediakan. Pentaksiran lisan ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan guru untuk menentukan bagaimana kehendak deskriptor itu sendiri. Kajian yang dijalankan oleh Faizah (2011) mendapati guru bahasa Inggeris berasa bimbang tentang beberapa aspek dalam pentaksiran serta kemampuan dan peranan guru itu sendiri untuk menepati kehendak pentaksiran yang ditetapkan. Jelas menunjukkan bahawa pernyataan deskriptor yang disediakan adalah tidak jelas dan tidak disediakan secara menyeluruh bagi memperoleh keberkesanannya pelaksanaan pentaksiran lisan yang merupakan sebahagian pengajaran dan pembelajaran.

Secara keseluruhan, kurikulum baharu KSSM menggambarkan terdapat keperincian dan kejelasan yang ketara dari sudut bahan dokumentasi yang lengkap iaitu DSKP untuk memudahkan guru membuat rujukan ketika menjalankan pentaksiran lisan melalui panduan standard kandungan, standard pembelajaran, dan standard prestasi. Semasa menjalankan pentaksiran lisan, guru akan merujuk ketiga-tiga standard dan ini memudahkan guru kerana dapat merujuk dalam satu dokumen sahaja. Berbanding dengan deskriptor dalam PPPM yang hanya menyediakan deskriptor sebagai pernyataan untuk melihat tahap pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang dipamerkan oleh murid semasa ditaksir oleh guru. Melalui DSKP ini, kurikulum yang disediakan memberi input yang positif kepada guru untuk melaksanakan kurikulum standard di samping mempertingkatkan teknik dan kaedah mengajar dalam kalangan guru. Manakala murid diyakini dapat meningkatkan kecemerlangan dalam mata pelajaran bahasa Melayu dengan menggunakan kurikulum baharu ini. Sebagai rumusan, penggunaan standard kandungan, standard pembelajaran, dan standard prestasi dalam DSKP dapat membawa transformasi yang positif selari arus perdana transformasi sistem pendidikan negara iaitu KSSM.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, tujuan PPPM adalah untuk mengenal pasti kelemahan dan kekuatan murid dalam pembelajaran untuk tindakan susulan diberikan kepada murid (KPM, 2014) namun deskriptor yang terkandung dalam PPPM adalah bersifat umum dan kurang jelas bagi guru untuk menilai pentaksiran murid di samping menentukan band yang perlu dicapai oleh murid. Penambahbaikan terhadap dokumen pentaksiran yang menjadi pegangan guru sentiasa diperbaharui dari semasa ke semasa semenjak PBS dijalankan pada tahun 2012. Pada awal pelaksanaannya, dokumen yang menjadi rujukan guru dikenali sebagai Dokumen Standard Prestasi (DSP) mengandungi evidensi terlalu banyak menyebabkan guru sukar untuk mentaksir pencapaian setiap murid. Setelah pihak KPM mempertimbangkan rungutan guru, pada tahun 2014 dokumen PPPM pula digunakan dan bilangan evidensi (deskriptor) dikurangkan menjadikan 6 deskriptor bagi setiap kemahiran bahasa. Ini bermakna guru memerlukan 18 deskriptor untuk mentaksir murid sepanjang tahun. Seterusnya, pembaharuan kurikulum juga membawa kepada dokumen pentaksiran yang baharu iaitu DSKP yang mula digunakan oleh guru pada tahun 2017 untuk murid tingkatan satu.

Pembaharuan kurikulum dalam sistem pendidikan di Malaysia diperlukan dan tepat pada masanya. KSSM yang dijelmakan dalam sistem pendidikan menengah di negara kita bagi memenuhi dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 setanding peringkat global. Kurikulum baharu yang didokumentkan dalam DSKP perlu dimanfaatkan sepenuhnya supaya dapat memperkayakan strategi dan kaedah PdP guru yang lebih tersusun dan berkesan. Dengan pembaharuan kurikulum ini, dijangka tidak lagi menimbulkan keraguan dan kekeliruan dalam kalangan guru bahasa Melayu tingkatan satu untuk menjalankan pentaksiran lisan.

Seterusnya, murid yang ditaksir oleh guru dapat menghayati dan mempelajari sesuatu yang baharu dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan harmoni khususnya semasa pentaksiran lisan berlangsung di dalam kelas.

## RUJUKAN

- Bachman, L. F., & Palmer, A. S. (2010). *Language assessment in practice*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Bennett, R. E. (2011). Formative assessment: A critical review. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, Vol. 18, 5-25. doi.org/10.1080/0969594X.2010.513678.
- Brown, G. T. L. (2011). School based assessment methods: Development and Implementation. *Journal of Assessment Paradigms*, 1(1), 30-32.
- Faizah A Majid. (2011). School-based assessment in Malaysian schools: The concerns of the English teachers. *Journal of US-China Education Review*, 8 (10).
- Fullan, M. (2007). *The New meaning of educational change* (4th ed.). New York, NY:Teachers College Press.
- Gopala Krishnan Sekharan Nair, Roszainora Setia, Nor Zaitolakma Abdul Samad, Raja Nurul Huda Raja Zahri, Azyanee Luqman, Thenmolli Vadelveloo & Haslina Che Ngah. (2013). Teachers' knowledge and issues in the implementation of school-based assessment: A Case of Schools in Terengganu. *Asian Social Science*, 10 (3), 186-194. doi.org/10.5539/ass.v10n3p186.
- Henrik Bøhn (2015). Assessing spoken EFL without a common rating scale: Norwegian EFL teachers' conceptions of construct. 5(4), Disember, 1-12. doi.org/10.1177/2158244015621956.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan Satu. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid Bahasa Melayu Tingkatan Satu. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya.
- Mansell, W.(2012). A race to the bottom? No country is pursuing education reform with such speed and breadth as England. Is this because of stagnant achievement or politics? *Phi Delta Kappan*, 94(4), 76-77. doi.org/10.1177/003172171209400422.
- Wynn J.W (1958). Changing to a Core Curriculum. *The bulletin of the National Association of Secondary School Principals*, vol. 42, 236:pp.97-103. doi/abs/10.1177/019263655804223614
- Sarason, S. (1990). *The Predictable Failure of Educational Reform*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Smeed, J., Bourke, T., Nickerson, J., Corsbie, T. (2015). Testing Times for the Implementation of Curriculum Change. *Analysis and Extension of a Curriculum Change Model*, 1-14. doi/full/10.1177/2158244015581018
- Surya Ain Ahmed, Nor Hasniza, Johari Surif & Abdul Halim. (2014). Tahap kesedaran pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap pelaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah (PBS). *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, 11-13 Ogos 2014.
- Suzana Abd. Mutualib & Jamil Ahmad. (2012). Penggunaan teknik pentaksiran formatif dalam subjek bahasa Melayu darjah satu: Kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 17-30.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaiannya kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65.